



## **Adakah Setiap Yang Keluar Dari *Qubul* Atau *Dubur* Membatalkan Wudhu?**

**(Bahagian Akhir)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah  
Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

### **Beberapa Persoalan Mengenai Perkara Yang Membatalkan Wudhu' Dan Sebaliknya**

Berikut adalah beberapa perkara yang dibincangkan oleh para ulama mengenai isu-isu yang membatalkan wudhu' ataupun tidak, yang berhubungkait dengan perkara 'keluar sesuatu daripada *qubul* atau *dubur*', contohnya:

#### **1. Berasa syak sama ada terkentut ataupun tidak**

Seseorang yang berwudhu' yang menyangka, merasa syak atau ragu-ragu dan tidak yakin adakah dia terkentut ataupun tidak, masih tetap dikira dalam keadaan berwudhu'. Ini berdasarkan hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa seorang lelaki telah mengadu kepada Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa pada sangkaannya dia keluar angin (terkentut) ketika dia bersembahyang dan dia tidak pasti akan perkara itu. Lalu Baginda pun bersabda:

( )

**Maksudnya:** *“Janganlah seseorang itu keluar (daripada sembahyang) sehinggalah dia (benar-benar) mendengar bunyi (kentut) atau mendapati (mencium) baunya.”*

(Hadits riwayat Muslim)

Hadits di atas bermaksud bahawa seseorang yang tidak pasti ketika mendirikan sembahyang adakah dia terkentut atau tidak, janganlah dia keluar dari sembahyangnya. Sebagaimana juga ia memberi maksud bahawa hanya kerana perasaan syak atau tidak pasti adakah wudhu'nya terbatal atau tidak, tidak mewajibkan seorang itu mengambil wudhu' semula.

Menurut ulama, seseorang yang merasa yakin dia masih dalam keadaan suci atau berwudhu' apabila dia merasa syak adakah wudhu'nya terbatal atau tidak, maka perasaan syaknya itu tidak menjejaskan wudhu'nya. Oleh itu, dia boleh mendirikan sembahyang dengan wudhu'nya itu. Begitu juga sebaliknya, jika seseorang merasa yakin bahawa wudhunya sudah terbatal kemudian dia syak apakah dia masih mempunyai wudhu', maka dihukumkan bahawa wudhunya telahpun terbatal.

Sekiranya timbul syak pada diri seseorang, maka hendaklah diteruskan dengan apa yang diyakininya. Ini bersesuaian dengan salah satu qa'idah fiqhiyyah yang menyebut bahawa:

**Ertinya:** *“Keyakinan tidak dihilangkan oleh syak.”*

Ini bermaksud keyakinan adalah satu perkara yang tetap, manakala syak adalah satu perasaan yang mendatang. Oleh itu, sesuatu perkara itu dihukumkan mengikut apa yang tetap (yang diyakini) dan bukan yang disyaki.

## 2. Darah Yang Keluar Daripada Bawasir

Tidak batal wudhu' jika darah keluar daripada bawasir yang terkeluar daripada dubur pada ketika atau sebelum seseorang itu berwudhu'.

Berbeza hukumnya jika darah itu keluar dari bawasir yang berada di dalam dubur, maka batal wudhu'nya.

Begitu juga batal wudhu' seseorang jika bawasir yang berada di dalam dubur pada ketika dia berwudhu', kemudian setelah dia berwudhu' bawasir itu terkeluar daripada *duburnya* atau bertambah keluar, walaupun hanya separuh manakala separuh lagi masih di dalam dubur.

## 3. Memasukkan sesuatu ke dalam qubul atau dubur

Tidak batal wudhu' jika seseorang itu hanya memasukkan sesuatu benda ke dalam kemaluan *qubul* atau dubur seperti peralatan menduga, benang, jari dan seumpamanya, dan **tidak mengeluarkannya semula dari kemaluan**. Sama ada benda itu dimasukkan kesemua sekali atau hanya sebahagian sahaja. Sebagai contoh seseorang yang memasukkan sebahagian daripada benang ke dalam kemaluannya, manakala sebahagian lagi masih tergantung di luar kemaluan.

Dalam keadaan demikian, wudhu'nya tidak batal, selama mana dia tidak menarik benang itu keluar. Dia juga boleh membaca al-Qur'an umpamanya, akan tetapi tidak sah sembahyangnya dalam keadaan demikian. Ini kerana dalam sembahyang, dia (orang yang berwudhu' itu) dihukumkan sebagai menanggung sesuatu yang bersambung dengan najis. Maka tidak sah sembahyangnya kerana antara syarat sah sembahyang ialah suci daripada najis sama ada pada diri, pakaian atau tempat.

Berbeza hukumnya jika seseorang memasukkan sesuatu ke dalam *qubul* atau duburnya, **kemudian mengeluarkannya semula**, maka perbuatannya mengeluarkan semula benda itu membatalkan wudhu'. Tidak kira sama ada benda yang dikeluarkan itu bercampur najis ataupun tidak, dan sama ada dikeluarkan sebahagian sahaja atau kesemua sekali. Ini kerana perbuatannya mengeluarkan semula benda tersebut daripada kemaluan bertepatan dengan maksud keluar sesuatu daripada kemaluan.

4. Persoalan air mani yang terkeluar, memasukkan semula dan yang bercampur-campur.

Pada dasarnya, keluar air mani semata-mata (tidak bercampur dengan air mani orang lain) daripada *qubul* seseorang adalah tidak membatalkan wudhu' seperti yang telah dijelaskan terdahulu. Akan tetapi wudhu' menjadi batal jika keluar daripada seseorang air mani yang lain selain daripada air maninya sendiri, atau keluar air maninya yang bercampur dengan air mani orang lain, atau keluar air maninya yang terlebih dahulu dimasukkannya ke dalam *qubulnya*. Dalam tiga keadaan yang disebutkan, wudhu' seseorang itu menjadi batal tetapi tidak mewajibkan mandi.

Sebagai kesimpulan, antara perkara yang membatalkan wudhu' itu ialah keluar sesuatu daripada salah satu kemaluan (*qubul* atau dubur). Sama ada sesuatu itu keluar secara dipaksa ataupun dengan sendirinya, dengan senghaja atau terlupa, berbentuk zat ('*ain*) atau angin, kering ataupun basah, banyak ataupun sedikit, suci ataupun najis, benda yang sudah biasa keluar daripada dua kemaluan ataupun sesuatu yang jarang ataupun ganjil dan keluar kesemuanya ataupun tidak.

Semata-mata memasukkan sesuatu ke dalam kemaluan, tidak membatalkan wudhu' selama mana dia tidak mengeluarkannya semula. Akan tetapi mengeluarkan semula benda yang dimasukkan ke dalam kemaluan itu membatalkan wudhu' kerana bertepatan dengan erti keluar sesuatu.